

19 MAR 2002

Mahathir-Penawar/I

RUNDINGAN PERDAGANGAN MENJADI OBSESI KPD SESETENGAH PIHAK, KATA PM

BERLIN, 19 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sesetengah negara di mana pelancaran pusingan baru rundingan perdagangan telah menjadi satu obsesi seolah-olah ia adalah penawar kepada masalah-masalah yang menyelubungi sistem dagangan pelbagai hala.

Perdana Menteri menyifatkan rundingan perdagangan bukan satu perkara yang penting kecuali apabila matlamatnya jelas dan masa diberikan untuk mengkaji cadangan-cadangan.

Beliau menegaskan rundingan perdagangan tidak sepatutnya memasukkan isu-isu bukan perdagangan yang telahpun diperbincangkan dalam forum badan-badan antarabangsa lain.

"Menggunakan perdagangan dan pelaburan sebagai instrumen untuk menekan negara-negara lemah dan memaksa mereka menerimanya adalah satu bentuk diskriminasi yang akan menjadikan yang miskin bertambah miskin," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucapannya di mesyuarat dengan Persekutuan Industri Jerman dan Persatuan Perniagaan Jerman-Asia Pasifik, di sini, Selasa.

Terdahulunya Perdana Menteri tiba di ibu negara Jerman itu dari Munich, destinasi pertama bagi lawatan rasminya selama tiga hari ke Jerman yang tamat Rabu. Dr Mahathir dijadualkan berlepas ke Poland pada Khamis.

Dr Mahathir berkata kuasa-kuasa besar tidak terlepas daripada amalan-amalan yang tidak boleh diterima tetapi tekanan tidak dapat dikenakan dengan efektif ke atas mereka kerana mereka tidak begitu bergantung kepada perdagangan.

Beliau berkata ketika syarikat-syarikat tidak cekap di negara-negara miskin dibiarkan bergelut dengan kegagalan, ladang-ladang yang tidak produktif di negara-negara kaya terus diberikan subsidi atas alasan-alasan politik.

Keadaan yang sama juga berlaku dalam industri pakaian, katanya.

Oleh kerana kekurangan sumber dan tenaga kerja untuk berunding, beliau berkata negara-negara miskin mudah dipaksa untuk menerima syarat-syarat yang boleh menjejaskan mereka dan malahan rundingan tidak dijalankan dengan adil.

"Masalah-masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan perjanjian dan komitmen sedia ada yang memberi kesan negatif kepada negara-negara membangun tidak ditangani dengan sepenuhnya," katanya sambil menambah ketidakseimbangan sedia ada di pelbagai perjanjian Pusingan Uruguay juga perlu dilihat dengan serius.

Dr Mahathir berkata peruntukan yang ketika ini pada asas "ikhtiar terbaik" perlu diperkukuhkan agar layanan istimewa dan berlainan yang diberikan kepada negara-negara membangun boleh diambil tindakan dengan efektif.

Perdana Menteri berkata apa yang menyedihkan hari ini, ketika negara-negara kaya berbelanja dengan borosnya, dalam masa yang sama masih terdapat negara dan rakyat yang sangat miskin kehidupannya.

"Ini masih berlaku walaupun terdapat banyak perbincangan berkaitan hak-hak manusia dan keadilan sosial. Sekiranya kekayaan diagihkan dengan adil, masalah-masalah seperti buruh kanak-kanak dan kilang peras tenaga tidak akan muncul," katanya.

Dr Mahathir mengulangi sudah sampai masanya kekayaan negara-negara kaya dikenakan cukai dunia untuk dibayar bagi prasarana yang amat diperlukan di negara-negara miskin.

Malaysia, katanya, bimbang dengan agihan saksama faedah globalisasi dan percaya proses itu tidak sepatutnya diarah oleh seseorang ataupun tidak dipaksa oleh negara-negara tertentu bagi kepentingan mereka sendiri.

"Globalisasi tidak sepatutnnya hanya kerana globalisasi. Ia sepatutnya menjadi instrumen bagi kebaikan manusia sejagat. Kita telah melihat terlalu banyak ideologi dan sistem-sistem yang memberikan janji-janji manis pada awalnya, tetapi sebaliknya memusnahkan negara-negara dan rakyatnya," katanya.

Dr Mahathir memberitahu wakil-wakil Jerman bahawa Malaysia bukan menentang globalisasi dan liberalisasi pasaran tetapi proses ke arahnya tidak sepatutnya menjadi anarki di mana bank-bank dan syarikat-syarikat gergasi boleh menindas sesiapa sahaja dalam usaha mereka untuk mendapatkan keuntungan.

Liberalisasi tidak sepatut bermakna deregulasi sepenuhnya kerana dasar dan peraturan yang mencukupi diperlukan bagi memastikan perdagangan dan bayaran yang adil bagi kesejahteraan rakyat secara amnya, katanya.

Dalam memperkenalkan Malaysia kepada pelabur-pelabur Jerman, beliau berkata Malaysia akan terus menawarkan peluang yang baik dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan sokongan berkaitan pembuatan.

Firma-firma Jerman yang terkemuka dalam industri automotif dunia turut dipelawa melabur dalam sektor automotif di Malaysia terutamanya bagi mengeluarkan bahagian-bahagian khas dan komponen.

Dr Mahathir berkata usahawan teknologi maklumat Jerman boleh sama ada menjual atau berkongsi teknologi mereka dengan Malaysia menerusi pelaburan langsung asing, perkongsian dan usaha sama.

Jerman adalah rakan dagangan terbesar Malaysia di Eropah dengan jumlah dagangan pada tahun 2001 bernilai AS\$4.8 bilion (AS\$1=RM3.80). Antara 1996 dan 2001, 122 projek dengan kepentingan Jerman diluluskan yang membabitkan pelaburan berjumlah AS\$1.2 bilion.

Perdana Menteri berkata beliau mahu melihat lebih ramai pelancong dari Jerman datang ke Malaysia kerana hanya 70,401 daripada 12.8 juta pelancong yang melawat Malaysia pada 2001 datang dari negara tersebut.

Juga pada Selasa, Dr Mahathir dijadualkan merasmikan bangunan baru kedutaan Malaysia di Klingelhoferstr 6 dan menghadiri konsert Venice Baroque Orchestra di Konzerthaus Berlin.

-- BERNAMA

MAM SEL ZK MOZ